



**LAPORAN AKTIVITI BULANAN**  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG**  
**BAGI BULAN MAC 2022**

**1. KURSUS ETIKET & PROTOKOL MAJLIS RASMI**


Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus Etiket dan Protokol Majlis Rasmi pada 8 Mac 2022 dari jam 9 pagi hingga 1 petang secara atas talian berpusat dari di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang. Kursus ini disampaikan oleh Puan Khairul Intan binti Daud dari Institut Tadbiran Awam Wilayah Utara. Seramai 48 orang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini. Kursus ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *GoogleMeet*.



Penceramah menyampaikan ceramah



Penceramah menyampaikan ceramah




Penceramah menyampaikan ceramah




Sebahagian peserta yang terlibat

## 2. KURSUS PENGURUSAN STRESS, EMOSI DAN JATI DIRI DI TEMPAT KERJA

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menganjurkan Kursus Pengurusan Stress, Emosi dan Jati Diri Di Tempat Kerja pada 16 Mac 2022 dari jam 9 pagi hingga 1 petang secara atas talian berpusat dari di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang. Kursus ini disampaikan oleh Encik Azlan bin Seruji dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Seramai 50 orang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini. Kursus ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *GoogleMeet*.



Sebahagian peserta yang terlibat



Penceramah menyampaikan ceramah

### 3. EKSPLORASI MINDA BERTAJUK 'DISEBALIK BIAR TAK HANDSOME JANJI KAYA II'

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menganjurkan Kursus Eksplorasi Minda Bertajuk 'Disebalik Biar Tak Handsome Janji Kaya II' pada 24 Mac 2022 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang secara atas talian berpusat melalui peranti di tempat masing-masing. Kursus ini disampaikan oleh Encik Nasir bin Mustafa.

Seramai 35 orang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini. Kursus ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *Lifesize* dengan mengikuti SOP yang ditetapkan.



Poster hebahan Eksplorasi Minda